



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 2008

Kepada

Semua Ketua Jabatan Negeri Selangor,
Semua Badan Berkanun Negeri Selangor,
Semua Agensi Kerajaan Negeri Selangor,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

GARIS PANDUAN BAGI PERBELANJAAN BERHEMAH

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Jabatan, Badan Berkanun, Agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mengenai langkah-langkah tambahan yang perlu diambil bagi mengawal perbelanjaan awam.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 Lanjutan daripada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2008 mengenai Langkah Untuk Mengurangkan Perbelanjaan Awam, Perbendaharaan Negeri Selangor memberi maklumbalas mengenai perkara berikut selaras dengan konsep Kerajaan Negeri Selangor iaitu ke arah **Selangor Bersih, Maju dan Berkeadilan**.
- 2.2 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2006, Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2007 dan Bilangan 3 Tahun 2008 yang lalu telah menggariskan beberapa panduan terhadap perbelanjaan berhemah dan langkah-langkah tambahan yang perlu diambil kira ke arah menjana pengurusan perbelanjaan wang awam yang sempurna.

3. **LANGKAH-LANGKAH PERBELANJAAN BERHEMAH**

3.1 **PENGANJURAN BENGKEL / SEMINAR / KURSUS / MESYUARAT / ACARA MAJLIS / UPACARA KERAIAN**

- 3.1.1 Pegawai Pengawal adalah **tidak dibenarkan** menganjurkan bengkel / seminar / kursus / mesyuarat / acara Majlis / upacara keraian **secara mewah dan besar-besaran** bagi mengelakkan pembaziran dan syarat-syarat lain masih tertakluk seperti dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 tahun 2008.

3.1.2 Bekalan pakaian bagi majlis/upacara pelancaran tidak dibenarkan. Pemberian cenderahati tidak digalakkan tetapi sekiranya benar-benar perlu, hendaklah dihadkan kepada buku, kraf tangan tempatan atau produk makanan tempatan.

3.2 PENGURANGAN ELAUN KERAIAN

3.2.1 Elaun Keraian bagi Y.A.B Dato' Menteri Besar dan Y.B. EXCO Negeri Selangor akan dikurangkan sebanyak 10% dan Perbendaharaan akan menyelaraskan butir-butir mengenai jumlah pengurangan elaun tersebut.

3.3 PERJALANAN KE LUAR NEGARA

3.3.1 Tugas rasmi ke luar negara hendaklah dihadkan kepada persidangan dan mesyuarat antarabangsa yang penting sahaja atau mesyuarat di antara Kerajaan. Pegawai yang hadir hendaklah yang terlibat secara langsung dengan tugas yang dipertanggungjawabkan dan bilangan pegawai tidak melebihi tiga (3) orang pegawai Jabatan.

3.3.2 Y.B. EXCO Negeri Selangor layak membawa hanya tiga (3) orang pegawai Jabatan semasa tugas rasmi ke luar Negara.

3.3.3 Setiausaha Kerajaan Negeri tidak dibenarkan menyertai bersama dalam rombongan Y.B. EXCO Negeri Selangor untuk tugas rasmi ke luar negara kecuali bagi mesyuarat berjadual tertentu.

3.4 PEWUJUDAN JAWATAN

3.4.1 Pewujudan jawatan adalah **dibekukan kecuali** :

- i. Jawatan tertentu dan kritikal di mana tugasnya terlibat secara langsung di dalam bidang pendidikan, kesihatan dan penguatkuasaan.
- ii. Jawatan yang secara langsung dapat menambahkan kutipan hasil Negeri.

3.5 ASET

3.5.1 Pembelian aset adalah **dibekukan** kecuali mendapat kelulusan daripada Y.B. Pegawai Kewangan Negeri.

3.5.2 Pembelian bagi bahan-bahan kecil keperluan pejabat termasuk bahan percetakan dan alat tulis hendaklah dikurangkan.

3.5.3 Bagi aset sedia ada, kerja penyelenggaraan hendaklah dilaksanakan secara optimum supaya dapat menjimatkan tenaga dan mengurangkan

perbelanjaan dalam tempoh jangka masa akan datang.

3.6 SEWA/PENGUBAHSUAIAN RUANG PEJABAT

3.6.1 Sewa ruang pejabat baru/tambahan, perpindahan pejabat ke bangunan lain atau membuat kerja pengubahsuaian pejabat sedia ada adalah **tidak dibenarkan**.

3.7 PENYUSUNAN SEMULA ORGANISASI / PEWUJUDAN BADAN BERKANUN

3.7.1 Penyusunan semula organisasi Jabatan **tidak dibenarkan** kecuali penyusunan semula tersebut bertujuan untuk memperkemaskan struktur organisasi tanpa melibatkan pewujudan jawatan baru atau untuk mengurangkan bilangan tenaga pekerja. Pewujudan Badan Berkanun tidak dibenarkan.

3.8 KELULUSAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

3.8.1 Permohonan kelulusan daripada Y.B. Pegawai Kewangan Negeri hendaklah dikemukakan **pada/sebelum satu (1) minggu** daripada tarikh majlis, bekalan, perkhidmatan diterima.

3.8.2 Sebarang permohonan yang dibuat selepas tempoh satu (1) minggu daripada majlis, bekalan,

perkhidmatan diterima ianya akan **ditolak** serta merta.

3.8.3 Permohonan yang melibatkan kelulusan khas Y.B. Pegawai Kewangan Negeri daripada mematuhi prosedur kewangan semasa **tidak akan dipertimbangkan** dan kelulusan hanya diberikan melalui Akaun Pendahuluan Diri berdasarkan **Arahan Perbendaharaan, AP59**.

3.8.4 Kelulusan Khas Y.B. Pegawai Kewangan Negeri hanya diberikan bagi kerja-kerja kecemasan sahaja yang ditakrifkan sebagai Pembelian Darurat sepertimana Arahan Perbendaharaan.

4. ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

4.1 Bagi tujuan kawalan perbelanjaan wang awam, **pemotongan sebanyak 10%** akan dikenakan ke atas Objek Am 20000 dan pembekuan pembelian ke atas Objek Am 30000 dibawah Bajet Tahunan Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri.

- 4.2 Pegawai Pengawal boleh mengemukakan permohonan kepada Y.B. Pegawai Kewangan Negeri bagi tujuan pembelian di bawah Objek Am 30000.

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dibaca bersama dengan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 tahun 2008, Bilangan 1 Tahun 2007** dan **Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2006.**

6. ARAHAN-ARAHAN UMUM

Tertakluk kepada penerimaan oleh Pihak Berkuasa masing-masing Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Badan Berkanun, Agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor digalakkan mengadakan langkah-langkah kawalan mengikut Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor.

Tarikh: 8 Julai 2008.

Salinan kepada:

- i. Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.
- ii. Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- iii. Semua Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor.